

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA)
99.4%



Pendapatan Bersih
RM9.65 billion



790,772
Penerima Pencen
(+2.8% berbanding Tahun 2022)



KWAP kini berada pada Fasa Ketiga Pelan Strategik, yang dikenali sebagai Visi 2025 (2020 - 2025). Berlandaskan visi ini, KWAP berazam untuk menjadi rakan persaraan utama yang bermatlamat untuk memperkaya pengalaman persaraan ahli-ahli dan memastikan pertumbuhan aset-aset yang mampan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa sasaran telah ditetapkan bagi menyokong objektif-objektif strategik jangka panjang dan hasil sasaran Visi 2025.

Kami telah memulakan usaha menerbitkan laporan bersepadu. Kami percaya bahawa pelaporan bersepadu akan meningkatkan kualiti maklumat semasa untuk pihak berkepentingan dan kitaran laporan bersepadu serta pemikiran yang berkaitan akan meningkatkan komitmen kemampanan dan penciptaan nilai kami.

PRESTASI KEWANGAN

Setakat 31 Disember 2023, saiz dana KWAP telah meningkat kepada RM169.82 bilion daripada RM158.10 bilion yang direkodkan pada tahun 2022. Jika pengeluaran kerajaan sebanyak RM20.50 bilion yang dilakukan antara tahun 2018 dan 2023 turut diambil kira, saiz dana terlaras terkumpul KWAP menjadi RM190.32 bilion, iaitu 95% daripada sasaran 2025 yang ditetapkan sebanyak RM200 bilion.

Pada tahun 2023, KWAP mencapai jumlah pulangan dalam Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) sebanyak 8.2%. KWAP juga mencatat Pendapatan Bersih sebanyak RM9.65 bilion dan Jumlah Pendapatan Komprehensif sebanyak RM12.03 bilion pada tahun ini. Prestasi cemerlang ini dipacu oleh prestasi kelas aset ekuiti antarabangsa yang membuktikan kejayaan strategi diversifikasi kami khususnya untuk Alokasi Aset Strategik (SAA) KWAP.

OPERASI PENCEN

KWAP kini berkhidmat untuk 790,772 penerima pencen di seluruh Malaysia, iaitu 2.8% lebih tinggi atau tambahan 21,825 penerima pencen berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2023, perkhidmatan persaraan kami mencatat skor Indeks Tahap Perkhidmatan (SLA) yang cemerlang iaitu 99.4%, yang mengatasi peratusan minimum sebanyak 95% di bawah Perjanjian Agensi yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan KWAP.

Dalam aspek pendigitalan, kami telah memperkenalkan satu projek rintis yang menyediakan peranti biometrik di pusat-pusat dialisis. Pada 31 Disember 2023, kami berjaya memasang 50 peranti biometrik di pusat-pusat dialisis yang terpilih di sekitar Lembah Klang, yang memberi manfaat segera dengan pemprosesan lebih 17,000 pengesahan oleh pesara dan penerima pencen terbitan yang layak sejak pelaksanaannya pada November 2023.

TERAS 5

Saya juga bangga mengumumkan bahawa pelaksanaan TERAS 5 berjalan dengan lancar dalam seluruh syarikat, dan kini mencapai tahap siap sebanyak 85%. Dengan kerjasama berpasukan, saya yakin bahawa kami akan mencapai pelaksanaan penuh menjelang tahun 2024.

WARGA KERJA

Modal insan kekal menjadi penggerak utama kejayaan kami. Kami terus menekankan nilai pembelajaran sepanjang hayat dan kekal komited dalam membangunkan bakat. Kakitangan KWAP digalakkan untuk melanjutkan pelajaran menerusi Skim Bantuan Pendidikan (EAS) KWAP. Kami yakin bahawa kumpulan bakat yang berkemahiran tinggi akan membawa KWAP ke tahap yang lebih cemerlang.

Pada tahun 2023, seramai 23 kakitangan telah menamatkan pengajian mereka dan 13 kakitangan lagi sedang mengikuti program-program profesional dan pengajian tinggi termasuk CFA, CRMA, PKMC, ACCA, BSC, MSC dan PHD, yang disediakan di bawah program EAS.

DIGITAL

KWAP komited dalam mengekalkan sistem teknologi maklumat yang canggih bagi membolehkan penciptaan nilai yang lebih baik. Oleh itu, kami telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam Pelan Hala Tuju Transformasi Digital. Pada tahun 2023, kami telah membangunkan Rangka Kerja dan

Tadbir Urus Pengkomputeran Awan KWAP serta rangka kerja tadbir urus data, yang diperkenalkan sebagai Strategi Awan KWAP, dan meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan siber. Purata potensi pancingan data di KWAP adalah sebanyak 2.5%, jauh lebih rendah berbanding purata industri sebanyak 10%. Ini berikutan hasil daripada sesi-sesi latihan intensif kami yang menekankan kesedaran berkaitan keselamatan siber.

Saya juga bangga untuk berkongsi bahawa pasukan digital KWAP telah menerima Anugerah Pengiktirafan Teknologi Maklumat pada tahun ini di Seminar dan Mesyuarat Lembaga Pengarah ASEAN Social Security Association (ASSA) ke-40. Pengiktirafan berprestij ini adalah untuk projek yang bertajuk "Implementation of KWAP's Robotic Processing Automation (RPA) Named TESSA in Its Daily Operations".

KEMAMPANAN

Kemampanan sentiasa menjadi teras matlamat kami. KWAP menyedari bahawa syarikat-syarikat penerima pelaburan kami mungkin berada pada peringkat yang berbeza dalam inisiatif ESG dan kemampanan mereka. Aktiviti kepimpinan kami adalah bertujuan untuk mencipta nilai jangka panjang dengan syarikat-syarikat penerima pelaburan kami.

Pada Januari 2023, kami telah melaksanakan lima ikrar kemampanan iaitu:

- **IKRAR 1**
Menyokong Agenda Sosial
- **IKRAR 2**
Memperkasa Kerjasama untuk Tindakan Kolektif
- **IKRAR 3**
Portfolio Sifar Bersih menjelang Tahun 2050
- **IKRAR 4**
Meningkatkan Pelaburan dalam Aset Peralihan kepada RM20 Bilion menjelang Tahun 2030
- **IKRAR 5**
Meningkatkan Tadbir Urus Kemampanan

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)

Komitmen ini dipacu oleh azam kami untuk mengurangkan impak yang terburuk daripada perubahan iklim, selain melindungi kebolehdudukan planet ini dan menyokong amalan-amalan yang bertanggungjawab dan adil demi penciptaan nilai jangka panjang. Kami mengutamakan enam UNSDG secara strategik selaku prinsip-prinsip yang memandu Pelan Hala Tuju Kemampanan kami iaitu UNSDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik, UNSDG 7: Tenaga Bersih dan Mampu Milik, UNSDG 8: Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi, UNSDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab, UNSDG 13: Tindakan Iklim, dan UNSDG 17: Kerjasama untuk Matlamat.

Pada Oktober 2023, Lembaga KWAP telah meluluskan Rangka Kerja dan Dasar Risiko Kemampanan KWAP yang bertindak untuk menjadi panduan kepada Pelan Hala Tuju Kemampanan KWAP yang menyokong komitmen-komitmen kemampanan untuk memenuhi lima Ikrar Kemampanan dan tujuh Hasil Sasaran. Tujuh Hasil Sasaran adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan Pelaburan dalam Aset Peralihan kepada 10% daripada Saiz Dana menjelang tahun 2030
- Portfolio Sifar Bersih menjelang tahun 2050
- Pelaburan Berimpak sehingga RM1.5 bilion menjelang tahun 2025
- Dasar Upah Sara Hidup Perniagaan menjelang tahun 2025
- 30% Wanita dalam Pengurusan Kanan menjelang tahun 2023
- Rangka Kerja Tadbir Urus Kemampanan Perniagaan pada tahun 2023
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ESG untuk ahli Lembaga dan Pengurusan Kanan serta pematuhan pelaporan yang dibimbing oleh ISSB menjelang tahun 2025

Kami yakin bahawa integrasi ESG adalah mandatori dan menjadi keperluan dalam usaha kami untuk mencapai masa hadapan yang mampan. Oleh itu, integrasi amalan-amalan kemampanan dalam semua pelaburan dan operasi kami adalah dianggap penting.

Dengan membuat pelaburan dalam aset peralihan dan merangkumkan kedua-dua Strategi Penyahkarbonan Perniagaan dan Pelaburan KWAP, kami bermatlamat untuk menyokong komitmen Sifar Bersih Malaysia dan memberi impak positif dalam melindungi masa hadapan planet ini. Oleh itu, kami telah melengkapkan dan menyemak garis dasar pelepasan karbon KWAP bagi merangka pelan-pelan peralihan ke arah penyahkarbonan.

Impak kemampanan yang positif juga meningkatkan reputasi kami sebagai sebuah organisasi sosial yang bertanggungjawab, yang berusaha untuk mencipta nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan. Menerusi pelaburan yang bertanggungjawab, kami bukan sahaja memastikan keselamatan kewangan dalam jangka panjang, tetapi kami juga memainkan peranan penting dalam membentuk masa hadapan yang lebih baik untuk Malaysia dan dunia. Dengan melangkaui langkah-langkah lazim pematuhan yang berkaitan dengan ESG, kami telah mula melabur dalam segmen pelaburan berimpak, seperti melabur di dalam syarikat-syarikat yang menggunakan penyelesaian-penyelesaian yang berasaskan pasaran bagi menangani cabaran-cabaran sosial dan alam sekitar. Ini dipacu dan dibimbing oleh beberapa UNSDG dengan tumpuan ke atas pasaran domestik.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahun 2023 merupakan tahun yang diwarnai dengan kemajuan dan transformasi yang signifikan untuk KWAP. Komitmen teguh kami terhadap peningkatan yang berterusan dan tadbir urus yang teguh telah memperkukuhkan lagi kedudukan kami sebagai dana harta persaraan yang unggul. Melangkah ke hadapan, kami kekal komited dalam meningkatkan penciptaan nilai, menangani risiko-risiko baharu yang timbul dan memupuk budaya kecemerlangan.

Pencapaian kami dalam aspek pulangan kewangan, transformasi digital, libat urus bersama pihak berkepentingan dan agenda-agenda kemampanan membuktikan pendekatan berdaya tahan dan pemikiran maju kami. Kami yakin bahawa usaha ini akan terus memacu pertumbuhan yang mampan dan penciptaan nilai untuk pihak berkepentingan kami. Bersama-sama kita menempuhi kesukaran dalam persekitaran yang tidak menentu ini, serta membina dana persaraan yang lebih kukuh dan berdaya tahan untuk tahun-tahun mendatang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi, ahli-ahli Lembaga serta ahli-ahli Panel Pelaburan untuk sokongan mereka yang berterusan dalam satu lagi tahun yang mencabar. Saya juga ingin berterima kasih kepada kakitangan kami atas komitmen dan kerja keras mereka sepanjang tahun 2023. Setiap usaha dalam menyampaikan nilai kepada pihak berkepentingan amatlah dihargai.

KWAP akan terus mendukung komitmennya terhadap semua pihak berkepentingan dan menjunjung intipati slogan “Temam Persaraan Anda”.

DATUK HAJAH NIK AMLIZAN MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif